

Zakat: Guna mata wang dinar cabaran umat Islam masa kini

UM - 4 DEC 2001

KUALA LUMPUR 3 Dis. — Pembayaran zakat menggunakan mata wang dinar emas dan dirham perak merupakan antara cabaran umat Islam masa kini, kata pengasas Pergerakan Mura-bitun Sedunia, Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi.

Katanya, tidak dapat tidak, aktivis Islam barisan hadapan ialah mereka yang menyedari bahawa tanpa zakat, Islam dengan empat rukunnya yang lain tidaklah sempurna.

"Menegakkan semula tiang zakat yang menuntut penggunaan semula mata wang sebenar iaitu dinar emas dan dirham perak merupakan cabaran sebenar untuk umat Islam masa kini.

"Maka idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke arah penggunaan dinar emas Islam ialah satu langkah berani menuju ke arah Islam yang tulen," katanya dalam perutusan Ramadannya yang dikeluarkan di sini hari ini.

Mempertahankan

Shaykh Dr. Abdalqadir telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Persuratan oleh Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 9 Ogos lalu atas usahanya mengembangkan Islam di Eropah sejak 30 tahun lalu.

"Tahun yang mendatang ini merupakan ujian getir untuk orang Islam dan kita mesti mempertahankan Dr. Mahathir daripada kuasa-

kuasa yang tidak ingin melihat kejayaan orang Islam terutamanya dalam mengembalikan semula penggunaan dinar emas dan dirham perak," katanya lagi.

Dalam perutusan itu, beliau menasihatkan umat Islam supaya tidak berputus asa walaupun mereka merasai penderitaan dan bencana yang berlaku di Afghanistan.

Shaykh Dr. Abdalqadir berkata, bencana di Afghanistan bukanlah sesuatu yang berkaitan dengan Islam kerana ia adalah kesan kepada salah kepemimpinan para pemimpinnya.

Bagaimanapun, ia tetap merupakan satu tragedi untuk penduduk Afghanistan, tambahanya.